



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA IMAM TUA MASJID SULTAN ISMAIL PETRA

OLEH:

NURUL AMNI FARZANA BINTI SAH RIM	2022898792
NUR'AINA HUMAIRA BINTI SHAHIDAN	2022663772
SITI HAJAR BINTI RAFIE	2022882362

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN  
SEJARAH LISAN SEMESTER 05 (OKTOBER 2024 – FEBRUARI 2025)  
TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA IMAM TUA MASJID SULTAN ISMAIL PETRA

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T puji dan syukur kehadiran illahi kerana dengan izin-Nya transkrip ini dapat disiapkan dengan jayanya. Seterusnya, ribuan terima kasih diucapkan kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah pensyarah subjek ini kerana banyak memberi tunjuk ajar dalam proses persiapan untuk temuduga, rakaman dan penyiapan transkrip lengkap. Tanpa bantuan beliau kemungkinan transkrip ini akan siap separuh jalan sahaja kerana tiada garis panduan.

Selain itu, terima kasih juga kepada Ustaz Muhammad Amar Bin Azlan. Merupakan Imam Tua Masjid Sultan Ismail Petra kerana sudi berkongsi maklumat mengenai sejarah Masjid Ismail Petra dan pengurusan Masjid Ismail Petra yang sangat bagus. Semoga dengan jasa baik beliau berkongsi berbagai maklumat dapat menjadi batu loncatan untuk kajian. Masjid Ismail Petra banyak dikunjungi oleh masyarakat sekitar masjid dan luar kerana penjagaan yang rapi dari pihak pengurusan masjid dan smempunyai seni budaya seperti ukiran pada kayu di masjid yang berbentuk Minangkabau.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan sekelas yang selalu memberi teguran dan nasihat dalam penyediaan transkrip. Tambahan lagi, nasihat tersebut menjadi pembakar semangat untuk kami menyiapkan transkrip dengan baik. Tidak dilupakan juga kepada keluarga kami yang menjadi tulang belakang kami dari awal pembikinan transkrip ini. Terima kasih atas doa untuk kejayaan kami.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Bangunan Bersejarah.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang.....	3 - 4
Bahagian B: Sejarah Pendidikan.....	4 - 6
Bahagian C: Pengalaman Kerjaya.....	6 - 9
Bahagian D: Sejarah. Masjid Sultan Ismail Petra.....	9 - 17
Bahagian E: Sumbangan.....	17 - 20
Bahagian F: Harapan.....	20 - 22
Rujukan.....	23
Lampiran	
Log Wawancara.....	25 - 26
Diari Kajian.....	27 - 28
Senarai soalan.....	29 - 31
Surat Perjanjian.....	32
Gambar.....	33
Sijil Anugerah.....	34
Indeks.....	36

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** *Temu bual ini melibatkan Ustaz Muhammad Ammar bin Azlan, beliau merupakan seorang imam di Masjid Sultan Ismail Petra. Temu bual ini dijalankan secara bersemuka pada 9 Disember 2024 dari jam 2 hingga 4 petang. Ustaz Muhammad Ammar atau lebih dikenali sebagai Tok Imam mempunyai kerjaya yang cemerlang sebagai Imam Tua di Masjid Sultan Petra selama 8 tahun (2015-2024). Pengalaman beliau yang mendalam menguruskan dan membangunkan masjid ini menjadi sebuah masjid yang moden. Dengan latar belakang dan pengalaman beliau yang ada, Ustaz Muhammad Amar berkongsi pengalaman dan cerita-cerita yang menarik yang memberikan gambaran tentang perkembangan Masjid Sultan Ismail Petra serta cabaran yang dihadapinya. Temu bual ini tidak hanya membuka mata tentang sejarah dan perkembangan Masjid Sultan Ismail Petra malah memberikan inspirasi terhadap kisah-kisah pembangunan dari segi ekonomi dan sosial yang tidak ternilai harganya.*

**Kata Kunci :** *Pengalaman, Kerjaya, Ekonomi, Sosial, Tok Imam*

**BIODATA  
BANGUNAN  
BERSEJARAH**



## BIODATA BANGUNAN BERSEJARAH



Nama Masjid	:	Masjid Sultan Ismail Petra
Pengasas Masjid	:	Almarhum Sultan Ismail Petra
Alamat	:	Jalan Pantai Cahaya Bulan, Kampung Banggol, 15350 Kota Bharu, Kelantan
Tempoh Pembinaan	:	34 Tahun
Pengerusi Masjid Pertama	:	Almarhum Wan Harun Bin Wan Hasan
Imam Pertama	:	Husin Bin Mohd

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Tugasan ini merupakan salah satu perkara yang perlu disiapkan dalam kursus IMR604: Dokumentasi Lisan. Pensyarah kami Puan Nurulannisa binti Abdullah memberi penerangan bahawa perlu untuk menemubual orang yang berpengalaman dalam sesuatu bidang. Kami telah memilih Masjid Sultan Ismail Petra untuk kajian kami. Kami telah menemubual Ustaz Muhammad Ammar Bin Azlan yang merupakan Imam Tua di Masjid Sultan Ismail Petra. Ustaz Ammar juga merupakan penduduk tetap di Kampung Banggol berdekatan masjid. Disebabkan itu, Ustaz Ammar mengetahui sejarah berkenaan Masjid Sultan Ismail Petra.

Ustaz Ammar memberitahu bahawa Masjid Sultan Ismail Petra ini merupakan masjid yang banyak dikunjungi orang ramai bukan sahaja untuk beribadah tetapi juga ada disediakan kelas mengaji Al-quran kepada generasi muda seawal umur 7 tahun sehingga 17 tahun. Masjid Sultan Ismail Petra mempunyai seni bina tradisional dengan adanya ukiran kayu pada masjid berkenaan dan mempunyai bentuk seperti Minangkabau. Masjid tersebut mengambil masa selama 3 tahun untuk disiapkan pembinaan dan dibuka pada orang ramai pada tahun 1990. Masjid ini diasaskan oleh Almarhum Sultan Ismail Petra dan dibina atas tanah yang diwakaf oleh penduduk.

Temubual bertajuk “Masjid Sultan Ismail Petra” telah dijalankan di bilik mesyuarat Masjid Sultan Ismail Petra untuk mendapatkan maklumat masjid dengan lebih mendalam. Serta, penambahbaikan yang berlaku kepada masjid. Turut disertakan juga, sumbangan dan harapan kepada masjid. Ustaz Ammar menjelaskan bahawa masjid tersebut dijaga dengan baik. Ini terbukti kerana sewaktu kami pergi melihat kawasan masjid, masjid tersebut begitu bersih dan cantik. Serta banyak kemudahan yang disediakan untuk masjid dan rancangan penambahbaikan pada masa hadapan.

# **TRANSKRIP**

## TRANSKRIP

Rakaman ini berkisarkan tentang sejarah dan perkembangan Masjid Sultan Ismail Petra Mukim Banggol. Kami menemu bual ustaz Muhammad Ammar bin Azlan. Beliau merupakan imam tua di Masjid ini. Beliau telah berkhidmat di Masjid ini selama 8 tahun dan masih berkhidmat hingga sekarang. Berikut merupakan hasil rakaman.

<b>SENARAI SINGKATAN NAMA</b>	<b>NAMA PENUH</b>
SK	SEKOLAH KEBANGSAAN
PMR	PENILAIAN MENENGAH RENDAH
SPM	SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
STAM	SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA
YDP	YANG DI-PERTUAN
MPP	MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UKM	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
IPT	INSTITUT PENGAJIAN TINGGI
NGO	NON GOVERNMENT ORGANIZATION
KA	KHAIRUL AMING
AJK	AHLI JAWATANKUASA
UM	UNIVERSITI MALAYA
CCTV	CLOSED-CIRCUIT TELEVISION
QR	QUICK RESPONSE

## Transkrip

Assalamualaikum w.b.t..rakaman ini merupakan sesi temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang dan sejarah Masjid Sultan Ismail Petra. Bersama-sama kami ialah ustaz Muhammad Amar bin Azlan. Beliau ialah imam tua masjid sultan ismail petra. Temu bual ini dikendalikan oleh saya, nurul amni farzana binti sah rim dan siti hajar binti rafie. Dengan hormatnya, temu bual ini dimulakan.

## Bahagian A

Farzana : **Aaaa,baik..aaa untuk soalan A..Latar belakang..bolehkah ustaz memperkenalkan diri?**

Ustaz : memperkenalkan diri, okey bismilahirahmanirahim, assalamualaikum.w.t..*namo sayo nyo*(nama saya nya) muhammad amar bin azlan. (loghat kelantan) Asal daripada kampung ni lah,,asal daripada kampung banggol, jalan pantai cahaya bulan,kota baharu,kelate(kelantan) (loghat kelantan)..jadi sekarang ni..aaa...berumur 33 tahun dan mula berkhidmat di masjid ini..di masjid sultan ismail petra ini pada 1 januari 2015..

Farzana : **Okey...soalan kedua, apakah nama panggilan ustaz?**

Ustaz : *name*(nama) (loghat Kelantan) panggilan..nama panggilan kalau *ore kelate sini panggil tok ime amar*(orang kelantan sini panggil tok imam amar)...*tok ime amar*(tok imam amar)...(loghat Kelantan) nama ringkas deh

Farzana : **Dimanakah ustaz dilahirkan ?**

Ustaz : dilahirkan...dilahirkan di hospital

Farzana : **Dimanakah tempat tinggal ustaz ?**

Ustaz : tempat tinggal saya di kampung ni *lah deh*(inilah)...(loghat Kelantan) di kampung Banggol,Jalan Pantai Cahaya Bulan,Kota Baru,Kelantan. Di tempat saya bertugas *dehh*..(loghat Kelantan)

Farzana : **Ustaz memang dibesarkan di Kelantan ke?**

Ustaz : Saya dibesarkan di Kelantan..lepas tu masa keluar dulu masa ka uni....u dekat

ukm..lepastu adalah kerja setahun dua..imam *jugok(juga)* (loghat Kelantan) di kajang..lepastu balik ke kelantan sampai harini.

Farzana : **Berapakah umur ustaz sekarang?**

Ustaz : umur

Farzana : **Saya nak masuk...apakah cita-cita ustaz sebelum menjadi seorang imam?**

Ustaz : okey...cita-cita saya sebelum menjadi imam adalah..saya sebagai usahawan yang mana dari segi business befokuskan kepada dominan ataupun kita panggil haiwan berkaki empah...*gitu lahh dehh*(macam tulah)..(loghat Kelantan) saya lebih minat kepada usahawan ni....fokus kepada kambing...yang mana ni cita-cita saya daripada dulu lagi..sebelum saya masuk universiti lagi dan selepas keluar daripada u pun, itulah target saya...dan apabila saya kerja pun..saya bekerja sendiri dalam masa sama *duk mari*(datang) (loghat Kelantan) masjid....dan akhirnya *ore(orang) kampung suruh jadi tok ime*(tok imam)..(loghat Kelantan)

Farzana : **Okey..berbalik kepada....ustaz ada berapa bilangan adik beradik?**

Ustaz : bilangan adik beradik seramai

Farzana : **Sudahkah ustaz berkahwin?**

Ustaz : alhamdulillah, sudah berkahwin..pada 28 haribulan 8 2015.

Farzana : **Apakah nama isteri ustaz ?**

Ustaz : isteri..nur

Farzana : **Jika ustaz sudah mempunyai anak. Berapakah jumlah anak ustaz?**

Ustaz : alhamdulillah, setakat ni dikurniakan cahaya mata dan  
Yang pertama berumur 7 tahun..yang kedua berumur 5 tahun dan yang ketiga berumur 5 tahun dan yang ke 4..*coming soon*(akan datang)

## **Bahagian B**

Farzana : okey...bahagian B...sejarah pendidikan..

Ustaz : sejarah pendidikan...okey..

Farzana : **Apakah latar belakang taraf pendidikan ustaz?**

Ustaz : okey..dari segi latar belakang pendidikan *deh* (loghat Kelantan)..yang mana diperingkat sekolah rendah..satu sampai darjah 5, saya belajar di sekolah rendah islam an-nur,jlan atas banggol, dekat masjid muhammadi..lepas tu masa darjah 6,saya belajar di SK abdul

hadi...okey..habis PMR..saya sambung belajar peringkat menengah ....peringkat memengahnya..hanya di mahad muhammadi lelaki bermula tahun 2004..ehh..2003...2003 hingga 2009..tingkatan 1 sampailah ambil SPM dan selepas SPM, saya sambung STAM tahun 2009. Lepas pada tu, habis STAM saya masuk pondok..madrasah dakwah islamiah..di kampung serikih,pasir puteh,kelate..tapi saya duduk dekat pondok 2 tahun..dan alhamdullillah...selepas pada tu,mendapat tawaran ke universiti kebangsaan malaysia (UKM) di falkuti pengajian islam kos usuluddin dan falsafah. Habis belajar, kerja imam di kajang...masa tu mantan timbalan perdana menteri, datuk seri zahid hamidi...masa dia sekali dengan datuk seri najib..saya jadi imam di surau dia..dan selepas itu, balik ke kampung

**Farzana : Apakah sumbangan ustaz ketika sekolah dulu?**

Ustaz : sekolah...dari segi sekolah..*tak dop sangat* (tak ada sangat) (loghat Kelantan) di peringkat sekolah...saya tidak terlibat dengan mana-mana persatuan...saya nih lebih berminat memelihara kambing daripada kecik lagi..jadi kerja saya...balik sekolah..*caro ko kambing* (jaga ke kambing) (loghat Kelantan)...cuma *lagu mano kito nok*(macam mana kita nak) (loghat Kelantan) komersial kita punya minat tu kepada sebagai satu bentuk perniagaan. Peringkat universiti, *saya punya sumbangan tu banyoklah*(banyaklah) (loghat Kelantan)...diantaranya, falkulti-falkulti di UKM ni kita ada beberapa falkulti..antara falkulti ialah falkulti pengajian islam. Di falkulti pengajian islam,saya sebagai YDP falkuti pengajian islam sesi 2013/2014..dalam masa yang sama...saya sebagai ahli majlis ketua pelajar (MPP). ahli MPP dan dalam *box* MPP tu saya *speaker* MPP UKM...itulah jawatan saya yang terbesar di UKM.

**Farzana : Adakah bidang ini yang mendorong ustaz jadi imam?**

Ustaz : bidang nih...sebenarnya ada *jugoklah kait* (*jugalah berkait*)(loghat Kelantan) dengan pengalaman saya di universiti...apa yang kita belajar di universiti bersama dengan mahasiswa...bagaimana kita menggerakkan persatuan mahasiswa nih dengan secara lebih agresif lagi dan dengan cara lebih intelektual...*dengan cara lebih laju dehh* (*cara lebih pantas*) (loghat Kelantan)..jadi benda-benda nih apa yang kita buat..di UKM dulu kita melihat benda-benda ni..tidak ada dekat kampung kita..tidak ada di masjid kampung kita..jadi menda ni lah yang mendorong saya bagaimana saya nak mencurahkan ataupun kita nak membuat apa yang ada di minda kita..apa yang sudah kita buat di UKM...benda ni kita nak praktikkan di kita punya kampung..dan alhamdulillah apa yang kita buat pengalaman daripada kita sebagai YDP, MPP, sebagai student IPT dan benda ni kita *wak balik*(bawa pulang) (loghat Kelantan) masjid kita..dan



alhamdulillah...masjid kita pada tahun 2022...2022 masjid kita telah diiktiraf sebagai masjid terbaik peringkat negeri kelantan dan saya sendiri pun pada waktu itu mendapat anugerah imam terbaik 2022...dan pada tahun 2023..tahun lepas..*masjid kito ni*(masjid kita ni)(loghat Kelantan)...masjid banggol ni dinobatkan sebagai masjid bertaraf lima bintang.kalau awak tengok lah *deh di kelate ni dio ado semo*(di kelantan ni dia ada semua)(loghat kelantan) masjid di bawah pengurusan majlis agama islam dan adat istiadat kelantan ni,*dio ado*(*dia ada*)(loghat kelantan) sebanyak 614 buah masjid...aa.kesemua.jadi tahun lepas...tahun 2023..dari segi 614 buah masjid dinilai...kesemua masjid dinilai dan masjid kita ni adalah masjid..aa..daripada 614 buah tu..5 masjid yang mendapat 5 bintang..5 saje daripada 614 deh..dan kitalah salah satu daripada 5 masjid yang mendapat 5 bintang...tu mari daripada mana tu..hasil daripada apa yang kita buat semasa kita belajar di zaman u dulu...kita buat program “*offking*”..ye panggil program khidmat masyarakat bersama dengan *ore asli..ore kampung*(*orang asli..orang kampung*) (loghat kelantan)...di uitm..saya dok tahu....banyak semua *hok*(loghat kelantan) kita buat dulu-dulu...kita buat di masjid banggol lahh

Farzana: **Siapakah yang mendorong ustaz untuk melanjutkan pelajaran?**

Ustaz:siapakah..umm...ibu bapa lahh *dehh*(loghat kelantan)..itulah *ore hok* (orang yang)(loghat kelantan) paling utama..*ore hok* (orang yang) (loghat kelantan) paling besar..bagaimana dengan sejarah kehidupan dia..dan dialah yang paling *banyak*(banyak) (loghat kelantan) mendorong *kito sambung pelajare*(kita sambung pelajaran)..(loghat kelantan)

## BAHAGIAN C

Pengalaman kerjaya

Farzana: **Apakah pekerjaan pertama ustaz?**

Ustaz: pekerjaan pertama saya adalah imam lahh...masa tu saya di tahun 3...tahun akhir...kita punya tahun akhir..kalau di UKM..kita ada 6 semester..uitm berapa..8....8 *dehh*..kita 6...dan pada semester terakhir adalah program semasa kita *wak thesis* deh..dan masa tu saya dh ada...*palo sayo ni..kita nak wak kambing pahni..kita nak wak projek kambing..kita nak pelihara kambing*(kepala saya ni...lita nak buat kambing lepas ni..kita nak buat projek kambing..kita nak pelihara kambing) (loghat kelantan)..nak komersial kambing..jadi masa tuh lah saya kelas *dok banyak*(tak banyak) (loghat kelantan) walaupun jawatan MPP...saya kata..*aku keno cari kijo nihh..nk cari kijo*(aku kena cari kerja..nak cari kerja)loghat kelantan)..nk *wi*(beri) (loghat

kelantan) ada modal dulu..barulah lepas habis tu kita boleh bergerak selalu deh..cari punya cari boleh jadi imam...dalam masa sama ,saya student,saya MPP dan saya sebagai seorang imam di taman dekat datuk seri zahid hamidi...dan masa saya interview tu..ramai laa interview *dok*..masa interview tu *dia tanye* (tanye) (loghat kelantan) sebab apa saya nk jadi imam..saya *oyak*(cakap) lah saya punya cita-cita saya...kita nak ada ni...nk ada syarikat sendiri dan disinilah bermulanya tempat kita nak kumpul dana.

Farzana: **Bolehkah ustaz ceritakan perjalanan perkerjaan ustaz?**

Ustaz: perjalanan pekerjaan saya..yang sebagaimana yang saya bagitau tadi..perjalanan perkerjaan saya..aa..saya sebagai imam di tempat aaa di *country high* dalam masa 2 tahun dan selepas jadi imam,saya bermulakan sebagai seorang usahawan deh..dan selepas tu saya adalah kambing *dale..lebih kure dale*(dalam..lebih kurang dalam) (loghat kelantan) 60-70 ekor *deh* (loghat kelantan)..dan dalam masa yang sama,saya ni sebagai penduduk kampung dan saya pun mari solat nak berjemaah di masjid dan kebetulan masatu saya balik daripada UKM..habis dari UKM tu...kita tidak ada imam...ada kekosongan imam disini deh..dan disitulah..aaa..apani..permintaan dari *ore*(oang) (loghat kelantan) kampung..hasil daripada kita *punyo*(punya) (loghat kelantan) latar belakang pendidikan pun dari segi berasaskan agama..disitulah kita menjadi imam.

Farzana: **Siapakah imam sebelum ini?**

Ustaz: imam sebelum ni..nama dia husin bin mohd..imam sebelum saya lah..

Farzana : **Ustaz start kerja kat sini tahun?**

Ustaz: tahun 2015..1 januari 2015...ehh..sorry..1 januari 2016..2016 bukan 2015

Farzana: maksudnya tahun ni dahh...9 tahun

Farzana : **Apakah pernah ustaz berjumpa dengan pengasas masjid ni?**

Ustaz: Pernah..dia punya pengasas masjid ni..kalau nak tahu lah..sejarah masjid ni nihh..kita punya tanah ni adalah diwakafkan oleh almarhumah dan almarhum..*ore*(orang) (loghat kelantan)panggil cikgu wan ma dan isterinya tu nama cikgu wan mah..cikgu wan mah ni adalah *ore*(orang) (loghat kelantan)hebat jugok dan dia ni adalah *seore*(seorang) (loghat kelantan)wanita yang menerima anugerah tokoh ibu mithali peringkat kebangsaan kali ke-2..kali pertama *ore*(orang) (loghat kelantan)lain..kali ke-2 cikgu wan mah ni..aa..dia lah yang mewakafkan tanah ni deh..dan hasil gerak kerja suami dia dan beberapa penduduk kampung lagi lah yang menggerakkan aa kita punya dana untuk menubuhkan masjid banggol ni deh..dia bermula pada

tahun...di sekitar 1987..bermula deh..gerakan dio nih nak membangunkan masjid..dan masjid ni dirasmikan oleh almarhum sultan ismail petra,almarhum sultan kelantan pada tahun 1990..30 julai 1990..31 julai 1990 dan penyumbang terbesar masjid ni adalah almarhum sultan kelantan sendiri..aa sebab tu lah apabila masjid ni dirasmikan,almarhum ni memperkenalkan..mengampuni perkenan untuk menamakan masjid kitani adalah dengan nama masjid sultan ismail petra mukim banggol.

Farzana: **Adalah ada ahli keluarga ustaz yang mengikut jejak langkah ustaz menjadi imam?**

Ustaz: setakat ni..*takdop* (tiada) (loghat kelantan)lagi..saya *sore*(sorang) (*loghat kelantan*)jah

Farzana: **Tujuan asal masjid ini dibina adalah untuk?**

Ustaz: tujuan asal...sebagai tempat ibadah lahh kita kate deh..sebagai tempat menyatukan masyarakat.

Farzana: **Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk membina masjid ini?**

Ustaz: dalam 3 tahun...awak *takdop* lagi masa tuh..saya pun *takdop* lagi masa tuh

Farzana: **Boleh saya tahu bagaimana pengasas mendapat idea membina masjid ini..kalau ustaz tahu?**

Ustaz : okey dari segi idea untuk membina masjid ni..pada asalnya kita di kampung banggol ni..kita dah ada satu surau..surau lama. Surau tu agak lama..kecik deh dan apabila kepadatan penduduk semakin hari semakin bertambah menyebabkan surau tu tidak dapat menampung jumlah bilangan penduduk kampung ni..jadi selepas tidak dapat tula baru timbul satu idea untuk membina sebuah masjid baru deh..sebuah masjid baru dan dalam masa sama ada hamba allah lah yang mewakafkan tanah...wakaf secara percuma..katanya buat masjid..jadi disitulah timbulnya satu idea..dan bentuknya satu jawatankuasa untuk membina masjid ni...yang masa tu dipengerusikan oleh almarhum yang bernama wan harun bin wan hasan..dia ni merupakan penduduk asal kampung ni dan merupakan seorang lawyer lah..lawyer...saya *tok*(tak) (loghat kelantan) ingat dia punya firm dia tu nama *gapo dhh*(apa dahh) (loghat kelantan)..saya *tok ingat..tok pasti* (tak ingat..tak pasti)(loghat kelantan)..tapi firm dia tu masih ada hingga sekarang.

Farzana: **Siapakah imam pertama yang bertugas di masjid ini?**

Ustaz: imam pertama yang berkhidmat ialah nama yang saya bagitau tadi...haa..yang bernama..husin..husin bin mohd. Imam ni dia ada dua pangkat. Satu imam tua satu imam muda..jadi imam tua tu yang pertama dia dan yang kedua saya lah..

farzana : **Apakah sumbangan ustaz dalam memajukan masjid ni?**

Ustaz: okey..dari segi sumbangan saya..untuk memajukan masjid ini yang pertama sekali saya memfokuskan kepada..aa..penyatuan masyarakat..kita nak kepada satu penyatuan masyarakat supaya masyarakat bersatu hati..ahli jemaah kita bersatu hati..maka disitulah kita fokuskan utama apabila kita bersatu hati *molek*(baik) (loghat kelantan)..maka disitulah perjalanan kita..flow perjalanan kita..masjid kita..pengimarahkan masjid kita berjalan dengan lancar..*banyaklah*(banyaklah) (loghat kelantan) program-program yang kita buat nak menyatukan masyarakat..diantaranya..hari keluarganya..dari segi program..kebajikan kena utamakan..banyak program kebajikan kita sehingga disini..hok paling terbesarnya pada satu tahun tu kita berjaya membina 30 buah rumah untuk mangsa kebakaran secara percuma dengan menggunakan dana masjid...tu kejayaan terbesar.

## **BAHAGIAN D**

Farzana: Bersesuaian dengan tema masjidlah.

Ustaz: Tema masjid kita nak memasjidkan masyarakat.

Farzana: **Wow okay soalan seterusnya, adakah kontraktor masjid ini orang luar?**

Ustaz: Masa buat dulu?

Farzana: Hmm

Ustaz: Saya pun tak boleh nak *royak*(cakap)(loghat kelantan) tak boleh pasti. Seingat saya aa..

Dia punya kontraktor *ore*(orang) (loghat kelantan) kampung ni jugak(juga) (loghat kelantan)

Farzana: Orang kampung

Ustaz: Dan masih ada sampai hari ni.

Farzana: Wah

Ustaz: Hmm, ada lagi. Tapi tua dah(sudah) (loghat kelantan) la

Farzana: **Tua, okay aa ustaz tahu tak berapa kos pembinaan masjid ini?**

Ustaz: Yang tu saya tak boleh nak pastikan. Pasal lama dah.

Farzana: **Faham. Aaa apakah keunikan masjid ini yang tiada di masjid lain?**

Ustaz: Keunikan masjid ini tidak ada di masjid lain

Farzana: Ya

Ustaz: Diantaranya kita ada mimbar ha boleh tengok mimbar berkonsepkan Minangkabau lepas ni boleh tengok *ambik*(ambil) (loghat kelantan) gambar dekat situ deh(ya) (loghat kelantan).

Farzana: Okay baik.

Ustaz: Mimbar yang berkonsepkan Minangkabau itu satu benda yang tidak ada di masjid lain dan satu benda lagi yang kita tidak ada di masjid lain diantaranya adalah kita di masjid banggol ni kita ada kelas al-quran dan kelas fardhu ain untuk pelajar-pelajar yang berumur 7 hingga 17 tahun setiap hari di masjid kita.

Farzana: Oo, kira macam yang tu pengurusan masjid sekarang

Ustaz: Pengurusan aa.. Jadi sekarang ni *kito*(kita) *punyo*(punya) (loghat kelantan) belajar tu kita macam sekolah lah kita ada pelajar jumlah pelajar tu *dale*(dalam) (loghat kelantan) seramai 370 *ore*(orang) (loghat kelantan) setiap hari. Haaa

Farzana: Kiranya, masjid ini menjadi tempat untuk belajar agama jugak la.

Ustaz: Iye(Ya) (loghat kelantan), untuk pelajar-pelajar

Farzana: Hmm, okay. Aa.. tu salah satu struktur pengurusan masjid.

Ustaz: Hmm.

Farzana: **Okay, aa.. Siapakah yang terlibat dalam pentadbiran dan penyelenggaraan masjid ini?**

Ustaz: Maksudnya AJK ka(ke) (loghat kelantan) macam mana?

Farzana: Hmm, aa.. AJK.

Ustaz: Yang terlibat dalam penyelenggaraan masjid ni adalah terdiri daripada Imam sebagai automatik sebagai pengerusi masjid dan kita ada AJK.

Farzana: Hmm, faham

Ustaz: Yang diketuai oleh ketua biro pembangunan dan keceriaan masjid. Hmm, dialah yang menguruskan program aa.. Ni penyelenggaraan masjid.

Farzana: Ada dekat sini

Ustaz: yang menguruskan program aa.. Ni penyelenggaraan masjid.

Farzana: **Okay, aa..hmm bagaimanakah masjid ini berkembang dari semasa ke semasa?**

Ustaz: Masjid ini berkembang dari semasa ke semasa aa.. Hmm.. sebagaimana yang saya beritahu tadi lah deh aa.. Kita memfokuskan kepada pertama sekali kebajikan [ada orang masuk ke dalam ruang temubual] kita fokuskan jugak dari segi pendidikan aa.. Dari semasa ke semasa lah aa.. Bergerak deh dan jugak dari segi penyatuan masyarakat haa.. Dan dengan apa yang kita

nok(nak) tu dengan tagline kita, kita punya moto kita memasjidkan masyarakat kita nak biar masjid ini adalah aa.. Sentiasa bersama dengan masyarakat. Haa tidak kira dari segi dalam bentuk tarbiah nya dari segi programnya dari segi perjalanan program masjidnya semua itulah fokus.

**Farzana: Apala yang perubahan terbesar yang telah berlaku di Masjid Ismail Petra sejak ia mula beroperasi? Macam penambahan dia ada kelas mengaji agama la.**

Ustaz: Aa.. perubahan terbesar dari sudut mana tu dari sudut aa.. Fizikal ka dari sudut pentarbiahan ka macam mana tu?

Farzana: Oo

Ustaz: Maksud awak

Farzana: Fizikal la

Ustaz: Fizikal aa.., sebagaimana yang awak tengok ni kita punya hiasan-hiasan luar ni dengan ukiran islamik ini adalah antara perubahan terbesar lah kita buat kalau boleh tengok masa masuk pintu tadi aa..

Farzana: Ya, boleh nampak. Mewah.

Ustaz: Haa deh dan bilik mesyuarat ini pun kita punya perubahe(perubahan) jugaklah yang kita buat ni

**Farzana: Hmm, okay. Aa.. soalan seterusnya, bolehkah ustaz ceritakan sedikit tentang peristiwa penting yang pernah berlaku di Masjid Ismail Petra?**

Ustaz: Diantaranya lah, diantaranya majlis perasmian itu tadilah aa.. majlis perasmian masjid yang telah dirasmikan oleh aa.. Almarhum aa.. Sultan Ismail Petra Ibni Sultan Yahya Petra yang telah dibuat pada tahun 1990 itu peristiwa yang sangat penting la aa.. Yang mana terbinanya masjid ni. Hmm.

Farzana: Aa..

Ustaz: Jugaak aa.. Diantara peristiwa penting jugoknya kita telah dinobatkan itulah tadi.

Farzana: Ha yang tulah tadi

Ustaz: Sebagai aa..

Farzana: Masjid terbaik

Ustaz: Masjid terbaik peringkat negeri Kelate(Kelantan) pada tahun

Farzana: 2022

Ustaz: 2022 dehh bersempena dengan hari sambutan Maal-Hijrah peringkat negeri Kelantan dan tahun lepas lah aa.. Kita telah dinobatkan masjid bertaraf lima bintang aa.. Ini adalah satu aa.. Benda-benda bersejarah la untuk masjid

Farzana: **Hmm, baik umm saya nak tanya adakah terdapat individu atau keluarga yang berperanan besar dalam menyokong operasi dan pembangunan Masjid Ismail Petra dari dahulu hingga sekarang?**

Ustaz: Mestinya adalah deh dari segi individu tu semestinya ada eh aa.. Kita di banggol ni kita punya banyaklah *ore-ore*(orang-orang) (loghat kelantan) yang aa.. Apani dari segi pendidikan latar pendidikanya(pendidikan) (loghat kelantan) sehingga kita ada Profesor Emiretus pun ada Profesor Emiretus Nik Safiyah Karim aa.. Di kalau tak silap di UM diatu asal dari kampung Banggol deh dan ramai lagi lah tokoh-tokoh korporat kita diantaranya aa.. Nai Ayam Kampung Haji Hase(Hassan) (loghat kelantan) dan ada lagilah nama-nama lain dialah yang aa.. Banyak memberi sumbange(sumbangan) (loghat kelantan) sama ada dari segi kewange(kewangan) (loghat kelantan) dari segi pengurusan masjid aa.. Deh individu-individu inilah yang banyak.

Farzana: **Okay aa..pernahkah masjid ini dijadikan sebagai bahan kajian?**

Ustaz: Pernah masjid ini setakat ni takdak(tiada) (loghat kelantan) lagi

Farzana: Ye kami yang first

Ustaz: Ha, yang first

Farzana: Ketawa

Ustaz: Ha, pastikan video-video ni gapo *sumbange*(sumbangan) (loghat kelantan) awak kena buat buku ke lah

Farzana: Allahuakbar, Seterusnya.

Ustaz: Ya

Farzana: **Boleh ye, okay soalan 48 sewaktu banjir teruk 2014, adakah masjid ini terkesan?**

Ustaz: Hmm, gana?

Farzana: Aa.. banjir teruk 2014

Ustaz: 2014 aa.. Kita sapai(sampai) (loghat kelantan) tapi air toho(cetek) (loghat kelantan) ya

Farzana: Air cetek

Ustaz: Air cetek jah tapi sini ni adalah 4 ore(orang) (loghat kelantan) mari(datang) (loghat kelantan) menumpe(menumpang) (loghat kelantan) haa

Farzana: Ketawa

Ustaz: Tak ada masalah sangat tu lah

Farzana: Okay dia macam masjid dekat depan je la yang air

Ustaz: Hmm, depe(depan) (loghat kelantan) sana jah(saja) (loghat kelantan)

Farzana: Dalam tak masuk air

Ustaz:Dale(dalam) (loghat kelantan) tak adalah masuk air.

Farzana: Okay aa.. Memang tak ada la perubahan yang berlaku lepas banjir tu

Ustaz: Tak dak aa

Farzana: **Okay aa.. Soalan seterusnya, adakah pernah berlaku kes kecurian atau kebakaran di masjid ini?**

Ustaz: Kecurian ada, kecurian tidak larilah kecurian tabung tu adalah deh

Farzana: Ada jugak

Ustaz: Sejak akhir-akhir ni 4 tahun kebelake(kebelakang) (loghat kelantan) ni tak ada lah

Farzana: Alhamdulillah

Ustaz: Disebabkan kita kutip sokmo(selalu) pitih(duit) (loghat kelantan) kalau dulu *pitih*(duit) (loghat kelantan) tu kita tak kutip seminggu seminggu jadi selepas berlaku kecurian tu kita kutip dan ada lagilah ore mari pecah tabung tapi dia mari takdak dia mari takdak dia tak mari dah

Farzana: Saya nampak macam ada CCTV tadi

Ustaz: CCTV mesti adalah haa

Farzana: Ustaz yang jaga ka?

Ustaz: Mana?

Farzana: CCTV yang dalam bilik tu

Ustaz: Kita tak jaga jugok apabila ada kes baru kita bukok lah

Farzana: Hmm

Ustaz: Dia duk situ tuh sebagai

Farzana: Tengok lah

Ustaz: Nak kata tengok tu tidak jugok

Farzana: Nak rakam

Ustaz: Supaya supaya benda tu dia amanahkan saya saya duduk situ ke jadi kalau orang lain nak tengok tak boleh la ada kes

Farzana: **Pastu, masjid ni berapa kali diselenggara?**

Ustaz: Berapa kali diselenggara tiap-tiap kali diselenggara sokmo



Farzana: Oo

Ustaz: Aaa, dari situ kebersihan tu setiap hari dari segi *maintenance* tu apabila rosak kita ada selenggara sokmo hmm

Farzana: Yang punca pendapatan masjid melalui sumbangan

Ustaz: Punca pendapatan masjid kita ada tabung harian, tabung jumaat aa..Pastu, kita ada tabung kubur, tabung kebajikan melalui qr kod aa..

Farzana: Ada jugak

Ustaz: Ada, ada

Farzana: Ni masjid paling dahsyat ni

Ustaz: Dan kita punya *income* kita ni setakat seminggu tu kalau kalau tabung jumaat saja diantara RM10 hingga RM15, 000

Farzana: Ya allah

Ustaz: Setiap minggu haa

Farzana: Ketawa

Ustaz: Tu tak termasuk lagi qr kod dan kita punya pernah sampai satu masa tu aa dalam bulan puasa tahun lepas dalam bulan puasa tahun lepas dalam masa 10 akhir ramadhan yang mana kita buat tabung melalui qr kod kita dapat dalam masa 10 hari RM 134, 000 ha..

Farzana: Wow

Ustaz: Dan income kita sahaja untuk tahun 2023 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember sebanyak RM 1, 154, 000 ha sumbangan kita setahun. Hmm

Farzana: Banyak tu

Ustaz: Banyak sebab tu nak cari pelajar intern tu.

Farzana: **Ketawa, okay berapakah jumlah kakitangan yang menguruskan masjid ini?**

Ustaz: Kakitangan yang menguruskan masjid berapa ore(orang) (loghat kelantan) kena bilen(bilang) (loghat kelantan) tu aa.. Kakitangan kalau dari segi Imam 3 bilal 2 5 kerani sorang 6 siak 3 siak 3 6 9 ore(orang) (loghat kelantan) 9 pastu media sore(seorang) (loghat kelantan) 10 ore(orang) lah

Farzana: Bendahari tak da

Ustaz: Hok tu hok tu AJK ha kalau AJK ada pulak aa.. 14 orang

Farzana: Wow, banyak tu

Ustaz: Ha.. ramai

Farzana: Dia macam diorang *parmanent* ke macam just macam

Ustaz: Kalau AJK tu sukarelawan lepastu kalau pegawai macam *ime*(Imam) tadi tu kita kira dia ni tu kontraklah ha.. Kontrak

Farzana: **Alright, okay aa.. Sepanjang ustaz menjadi Imam Tua di masjid ini, apakah kenangan pahit dan istimewa bagi ustaz?**

Ustaz: Kenangan pahit deh kenangan pahit gapo kenangan pahit

Farzana: Tak dak

Ustaz: Benda-benda pahit ni kita tak letak dalam *palo*(kepala)

Farzana: Ketawa

Ustaz: Benda pahit

Farzana: Rasanya, macam tak dak je

Ustaz: Ha

Farzana: Rasa macam tak ada kenangan pahit

Ustaz: Ada tapi benda pahit-pahit ni kita tak boleh letak dalam kepala dia jadi serabut.

Farzana: Yang kecurian tadi ka?

Ustaz: Tak pahit mana, dia biasa

Farzana: Ketawa

Ustaz: Benda pahit deh benda pahit dan manih(manis) (loghat kelantan)

Farzana: Hmm

Ustaz: Benda paling besarnya saya ni kalau dari segi masjid ni lah benda paling aa paling meletak *apani* sebagai satu penghargaan yang tu yang pertama tu lah dapat anugerah tadi deh aa anugerah imam terbaik yang keduanya saya ni dapat ditawarkan sebagai imam masjid negerilah yang tu benda paling manis jugaklah dua tahun lepas rasa jadi ditawarkan menjadi imam masjid negeri aa DG41 lah

Farzana: Wah

Ustaz: Cuma saya tidak gi lah saya duduk sini lagi, ketawa

Farzana: Okay, hmm apakah cerita menarik dari pengunjung masjid ini yang ustaz dapat?

Ustaz: Apa?

Farzana: Cerita menarik dari pengunjung masjid ini.

Ustaz: Cerita menarik yang kita dengarnya masjid ni bersih lah aa.. Bersih pastu waktu awak mari tadi masjid ni mari tandas *dale*(dalam) (loghat kelantan) keadaan bersih, bau wangi, tidak berselerak , masjid pun kita masuk tu dalam keadaan suka deh

Farzana: Ya betul.

Ustaz: Aa.. itulah aa.. *Respons* daripada pelawat-pelawat yang menyebabkan hati kita rasa gembiralah aa awak mari *lagumana*(macam mana) (loghat kelantan), beres

Farzana: Beres

Ustaz: Bersih?

Farzana: Bersih

Ustaz: Tandas bersih tak hari ni?

Farzana: Bersih. Saya terkejut bila tengok bilik ni. Ketawa

Ustaz: Bilik *gapo*(apa) (loghat kelantan)?

Farzana Bilik ni

Hajar: Masuk je wow, kerusi gaming.

Farzana: Kerusi gaming

Ustaz: Awak pilih masjid ni sebab *gapo*(apa) (loghat kelantan) sebenarnya, ada orang bagitahu *ka* (ke) (loghat kelantan)

Hajar: Aa adala macam

Ustaz: Search Google

Farzana: Ada la kawan

Hajar: Ada kawan recommend la dia kata ambil la masjid ni lawa apa semua dah lama dah.

Farzana: Lawa ustaz

Ustaz: Dia kenal jugakla?

Farzana: Ketawa

Hajar: Sebab dia duduk kampung baru je area sempadan rantau panjang

Farzana: Sini je

Hajar: Kitaorang orang luar

Ustaz: Tapi kita ni lebih *ore* (orang) (loghat kelantan) kenal tu diantara sebab dia antara Hafiz Mahamad la sebab orang kenal.

Hajar: Sebab pagar depan tu kan?

Ustaz: Aa pagar depan tu, pastu sehari dua ni dia ada turun dia turun dia punya program banjir gapo. Ni dia turun [tunjuk video Hafiz Mahamad di telefon] Hafiz turun haritu

Farzana: Oo, Hafiz Mahamad

Ustaz: Tak follow lagi TikTok eh, Follow? Masjid Banggol, aii kena follow la, follow Hafiz saja.

Farzana: Rehat sekejap ye.

## **BAHAGIAN E**

Hajar: Apakah penambahbaikan yang dirancang pada masa ini..untuk masa depan la.

Ustaz:aaa..canna

Hajar: **Aa..apakah penambahbaikan yang dirancang aaa.. Untuk masa ini untuk masa hadapan?**

Ustaz: okay penambahbaikan yang kita *rance* (rancang) untuk masjid ni pada masa akan *date* (loghat Kelantan) [betulkan tempat duduk] aaaa..*nih macam sebelah ni ke* (loghat Kelantan) [tunjuk ke sebelah kanan] aa..kita lani dalam proses untuk kita membeli tanah. Tanah di tepi masjid ni dengan keluasan 2000 kaki persegi 2000 kaki persegi 2 ekar dengan keluasan 2 ekar aa.. Di sebelah ni kita nak beli dan kita punya perancangan pembangune kita banyaklah diantaranya kita nak buat *homestay* [rumah inap] aa deh homestay dan jugak kita ada jugak di sini kita rance kita nak buat jugak kiosk aa dehh kiosk tu untuk kita nak bagi kepada anak-anak muda *fresh graduate* [lebaran baru] kita yang mahu *melibatke diri dalam perniagae kita bui disini* (loghat Kelantan) dehh [menggerakkan tangan kanan] disini dia punya tempat permulaan aa.. dia menceburi bidang *perniagae* (perniagaan) dan apabila dia maju dia kena keluar lah kita we kepada orang lain pulak dehh dan jugak disini kita nak wak apa lagi kita nak ada tahfiz kita nak ada rumah anak yatim dan yang paling besarnya kita nok ada rumah satu rumah pangsapuri untuk warga emas aa.. Boleh tinggal disini dengan aaa..apani dengan fasilitinya cukup dan cukup lengkap dijaga oleh doktor kita ado fisioterapi semualah bagi anak-anak yang bekerja di luar ibu duduk *sore dirumoh* (dirumah) boleh mari hantar disini dehh bayar kita *punyo yure make* cukup lengkap hospital aa..doktor klinik pun ada ada cukup lengkap aaa..

Farzana: pada masa hadapan.

Ustaz: masa hadape (hadapan) dan kita punyo pangsapuri [tunjuk sebelah kanan] tu kita target tu dia punya lift dia punyo eskalator tu sampa ke masjid terus.

Hajar: oooh

Ustaz: Ha deh aaa..

Hajar: Ketawa

Farzana: Sekarang ada kauseling?

Ustaz: aaa..kauseling kaunseling tak dok lagi.

Hajar: **Okay, aa..apakah usaha masjid dalam memperkenalkan dan mempromosikan nilai-nilai islam yang harmoni kepada masyarakat yang bukan Islam?**

Ustaz: [Meletakkan telefon dan berfikir] hmm.. Kita takdok sangat program tu pasal kito sini pon 99.99 peratus orang islam belako. Umm [ketawa]

Hajar: **Okay soalan seterusnya, bagaimanakah aaa..ustaz melihat penge penglibatan generasi muda dalam aktiviti masjid?**

Ustaz: [meletakkan telefon dan berfikir] alhamdulillah setakat ni dari segi penglibatan generasi muda kalau kita di masjid banggol alhamdulillah boleh dikatakan cukup-cukup membanggakan sebagainya sebagaimana yang terbaru ni kita buat program sukarelawan banjir alhamdulillah ramai turun hampir 50 orang hok turun dan begitulah jugok program-program kito hok diluar masjid ramai yang turun dehh aa..dan kita target demo ni ni kalau takleh mari 5 waktu 1 waktu pun takpa tak jadi masalah.

Farzana: Contoh program luar yang masjid banggol ni buat?

Ustaz: program luar hari keluarga haa..hari keluarga pertandingan tendangan penalti pertandingan carom aa.. Macam-macam la tu.

Hajar: Program luar macam buat luar masjid.

Ustaz: luar masjid perarakkan kemerdekaan haa..

Hajar: Selalunya program macam ni buat dekat mana?

Ustaz: Di padang bola padang bola di tempat parking semua la

Hajar: **Okay aa..soalan seterusnya bagaimana ustaz berinteraksi dengan pihak luar aa..macam NGO institusi lain untuk meningkatkan program masjid?**

Ustaz: [berfikir] bagaimana kita berinteraksi aaa..biasanya NGO-NGO luar dan kita punya apani..NGO apani dia panggil apa kerajaan aa..badan-badan kerajae lah biasanya dia tengok program-program yang kita buat dehh kita tengok tiktok kito dia tengok Facebook kita facebook kita aktif dan disinilah dia bekerjasamalah untuk menawarkan program-program secara kerjasama *supo awok maghi hari ni lah* (loghat Kelantan) aa..gitulah. Dan terbaru ni program bersama tabung haji insyaallah aa..tabung haji [mengambil telefon di atas meja]

Hajar: Program apa?

Ustaz: [berfikir] program aa.. Satu hari bersama tabung haji lah gitulah aa..yang mana dia buat kaunter pendaftaran untuk anak-anak aa.. daftar tabung haji daftar haji daftar haji pastu pendaftaran khairat kematian tabung haji dan dalam masa yang sama tu dia buat program-program aa.. Untuk kanak-kanak orang tua supaya ore rama rama maghi mendaftar dehh aa..

Hajar: **Apakah pendekatan yang ustaz gunakan untuk memastikan semua lapisan masyarakat merasa diterima di masjid?**

Ustaz: pendekatan yang kito buat pendekatan yang kita buat untuk memastike masyarakat merasa dia diterima oleh masjid adalah aa..kita buat kita bina masjid ni kita buat segala program kita tu supaya program itu adalah program yang dapat me ore kato [tangan bergerak] menyentuh menyentuh hati masyarakat supaya kito sentuh dan masyarakat ake rasa dia tu terjago dengan masjid aaa.. Itulah yang kita buat dehh.. Apabila dia rasa selesa dia rasa sene barulah dia rasa aaa...dijaga oleh masjid. yayaya

Hajar: **Okay umm..bagaimanakah ustaz melibatkan sukarelawan untuk menjayakan aktiviti masjid?**

Ustaz: bagaimana kita *libatke* (libatkan) sukarelawan aa.. yang kita buat di masjid kita ni pertama sekali duit la kita kena bantu support bersama yang mana NGO ni dia kekurangan dana tapi semangat dia tu tinggi jadi untuk menggerakkan benda tu biasanya masjid akan keluarkan pith lebih lagi la dehh dan kito kene create kito punyo program tu supaya betul-betul mendasar kepada masyarakat.

Hajar: **Aa.. pernahkah ustaz menghadapi isu kekurangan sambutan dalam sesuatu program masjid?**

Ustaz: [ketawa] *mesti ado jaghe-jaghe adala disebabke kita punyo kesilape strategi kita buatlah* (loghat Kelantan) menyebabke program yang kito buat itu kurang dapat sambutan [ketawa]

Hajar: **Bagaimanakah ustaz menangani konflik antara jemaah yang berlainan pandangan atau latarbelakang?**

Ustaz: [berfikir] bagaimana kito nok aa..ni soale ni aa.. subjektif la dehh.. aa.. *soale* apabila lah berlaku aa..perbezaan pandangan di kalangan para jemaah masjid bagaimana kito nak menangani masalah tu dehh ini di boleh katakan di semua masjid ake berlaku perbezaan pandangan yang pertama sekali apabila ada banyak pendapat macam ni yang pertama sekali kita tidak tolok takleh

tolok pendapat yang tidak aa..sama yang tidak sependangan dengan kita tu secara 100% dehh kito tidak *tolok* yang mana yang pertama sekali apabila berlaku pelbagai aa..*pandange* jadi kita ambik satu *pandange* dan dalam masa yang sama *pandange* yang lain kito tak boleh *tolok dehh* kito buat kito bincang kita ambik *pandange* tu supaya apabila kita terima pandangan ni nak buat macam ni contoh nak buat benda A punya gini hok ni lagu ni *pandange* hok ni lagu ni jadi apabila *lagutu* kita bermesyuarat okay kita terima pakai hok ni ada pendua lagi jange kita ketepikan sepenuhnya sebaliknya kita raikan *pandange* dia deh apabila kita raikan kita buat yang ni kita pastikan benda tu kita wak pastikan berjaya aa..biasalah apabila berlaku *pandange* apabila kita nak buat benda lain pulak kita guna pendapat hok ni pulak jadi kito nak biar aa.. masyarakat ajk kita tu sentiasa *pandange* dia dirai walaupun tidak semua hmm.

## **BAHAGIAN F**

Hajar: **Okay, apakah harapan utama pihak pengurusan masjid terhadap jemaah dan masyarakat setempat?**

Ustaz: Okay, harapan kita lah harapan pihak pengurusan masjid pada aa.. pada *sapa*(siapa) (loghat kelantan) tadi

Hajar: aa.. Pada jemaah dan masyarakat

Ustaz: Kepada jemaah harapan kita yang paling besarnya supaya semua aa.. Masyarakat-masyarakat ni marilah berjemaah sembahye berjemaah di masjid kerana apa-apapun program yang kita buat di masjid ni adalah tujuan utama kita kita punya *aims* [tujuan] tujuan pertama kita tidak lain dan tidak bukan adalah supaya *diore ghama-ghama mari sembahye*(*diaorang ramai ramai datang*) (loghat kelantan) berjemaah di masjid tak itu tujuan utama kita lah aa.. Nak buat *ghapo-ghapo*(apa-apa) (loghat kelantan) pun kita punya matlamat utama supaya *ghama-ghama*(ramai-ramai) (loghat kelantan) sembahyang di masjid hmm itu kejayaan kito apabila sesebuah masjid itu mempunyai jemaah yang begitu ramai itu kejayaan yang paling besar dehh kalau *pitih banyok*(duit banyak) (loghat kelantan)jemaah tak sampai satu saf tak berjaya jugak deh walaupun *pitih*(duit) takdak tapi jemaah dia *ghama*(ramai) (loghat kelantan) di masjid itu menandakan satu kejayaan besar.

Hajar: **Okay aa.. Apakah penambahan yang diharapkan oleh ustaz pada masjid ni?**

Ustaz: Penambahan, sebagaimana yang saya *royak* (cakap) (loghat kelantan) tadi la. Ha

Farzana: Yang fasiliti rumah , homestay tu semua yang tu harapan.

Ustaz: Ha, harapan lah.

Hajar: **Okay, aa.. Bagaimana ustaz melihat peranan masjid sultan ismail petra dalam membangunkan komuniti pada masa hadapan?**

Ustaz: Bagaimana [ketawa] dah tanyo doh soalan tu.

Hajar: **Okay, aa..next apakah harapan pihak masjid terhadap tahap penyertaan masyarakat dalam aktiviti dan program masjid?**

Ustaz: [meletakkan telefon di atas meja] Gane-gane

Hajar: Apakah harapan pihak masjid terhadap tahap penyertaan masjid dalam aktiviti dan program masjid?

Ustaz: Harapan kita supaya ramai la [ketawa] supaya menyambut atau menyokong lah segala program-program yang dibuat oleh masjid dehh tanda *sokonge*(sokongan) (loghat kelantan) tu dengan *maghi* (mari) (loghat kelantan) dengan *ghama*(ramai)lah (loghat kelantan).

Hajar: **Okay, aa.. Adakah pihak masjid bercadang untuk membina hubungan yang lebih erat dengan organisasi atau institusi lain diluar atau di dalam kawasan?**

Ustaz: Semestinya, kerjasama tu *memey*(memang) (loghat kelantan) kita sangat-sangat perlukan untuk kita gerakkan aa.. segala aktiviti di masjid.

Farzana: Saya nak tanya Khairul Aming pernah sampai tak dekat sini?

Ustaz: KA KA setakat ni tak sampai lagi Hafiz Mahamad sampai cuma kita pernah program bersama dialah adalah aa..

Hajar: Program bersama Khairul Aming ke?

Ustaz: Banjir baru ni

Hajar: Oo, yang haritu

Ustaz: KA KA, tapi dia punya follower [pengikut] ramai Khairul Aming lagi deh.

Hajar:Sebab Khairul Aming ada kilang itu semua kan

Ustaz: Hmmm

Hajar: **Okay, aa.. Soalan seterusnya apakah langkah-langkah yang boleh diambil aa.. Untuk memastikan masjid ini terus berfungsi dengan baik dan relevan kepada semua peringkat umur? Dari budak kecil sampailah dewasa**

Ustaz: Macam mana soalan nih?

Hajar: **Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk memastikan masjid ini terus**



**berfungsi dengan baik dan relevan kepada semua peringkat umur? macam dari budak kecil sampailah dewasalah**

Ustaz: [berfikir] langkah yang diambil [ketawa] kita kena pastikan kita merancang program tu biar biar aa.. Benda tu kena kepada semua peringkat aa.. Kena kepada semua peringkat sama ada kanak-kanak *ka(ke)*(loghat kelantan) remaja *ka(ke)*(loghat kelantan) belia *ka(ke)*(loghat kelantan) warga emas *ka(ke)*(loghat kelantan) ha itu langkah yang perlu diambil lah. Beku dah otak nak jawab banyak *lajak soale* (sangat soalan) (loghat kelantan) rehat *lu bentar*(dulu sebentar) (loghat kelantan).

Hajar: Soalan terakhir

Ustaz: Hmm, terakhir dah

Hajar: **Bagaimanakah masjid merancang untuk memelihara dan memperkayakan nilai-nilai tradisional sambil menyesuaikan diri dengan perubahan zaman?**

Ustaz: [berfikir] bagaimana okay nok aa.. Memelihara aa.. Nilai-nilai tradisional bagaimana bagaimana nak memelihara [ketawa] kalau tengok *ko(ke)*(loghat kelantan) di masjid ni pun *banyak-banyak*(banyak-banyak) (loghat kelantan) lah kita *punyo*(punya)(loghat kelantan) nilai-nilai tradisional awak masuk sebelah *puew*(perempuan) (loghat kelantan)tu awak tengok kayu-kayu supa tu tradisional *belako*(semua)(loghat kelantan) tu aa.. Tu dehh dari segi kita punya prasarana kayu semua mimbar tu semua banyak lah awak lalu tu tradisional semua tu kalau kira deh pastu dari segi aa.. Ni aa.. Yang sa lagi adat kebudayaan adat resam lepastu dari segi *pakaiae*(pakaian)(loghat kelantan) tradisional bagaimana kita nak jaga masjid buat deh aa.. jadi aa.. Diantaranya kita buatlah program-program tu mestilah bertemakan tradisional aa.. Pakaian tradisional kita buat apa program cuma kita fokuskan aa.. Okay *pakaiae*(pakaian)(loghat kelantan) kena *pakaiae*(pakaian)(loghat kelantan) tradisional pakai baju putih pahtu pakai *pakaiae*(pakaian)(loghat kelantan) kain kain pelikat jawa dehh paka kain lepas atas pala [ketawa] dan kita buat pertandingan lah aa.. Kita buat *pertandingae* *pertandingae*(pertandingan pertandingan) hias hiasan khemah berasaskan tradisional aa.. Kita pernah buat benda-benda macam tu itulah

Hajar: Okay

Ustaz: *Pashto*(pastu) awak *cut-cut*(potong-potong) lah video tu deh

Hajar: Boleh. Okay.

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Masjid Ismail Petra. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh **Ustaz Muhammad Ammar Bin Azlan** dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang sejarah para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN

### Log Wawancara

Nurul Amni Farzana, Siti Hajar dan Nur'aina Humaira menemubual Ustaz Muhammad Ammar Bin Azlan, yang dilahirkan pada 16/12/1991 di Hospital Kota Bharu, Kelantan. Temubual dijalankan di ruang mesyuarat Masjid Ismail Petra, mengenai sejarah Masjid Ismail Petra. Beliau tinggal berdekatan masjid sejak kecil sehingga besar serta mengetahui sejarahnya masjid berkenaan. Beliau juga merupakan Imam Tua di Masjid Ismail Petra.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG</b>		
2:00	Topik: Biodata Ustaz Ammar <ul style="list-style-type: none"><li>• Nama</li><li>• Umur</li><li>• Tempat Lahir</li><li>• Pendidikan tertinggi</li><li>• Status perkahwinan</li></ul>	Muhammad Ammar Bin Azlan  Kota Bharu, Kelantan Ijazah Sarjana Muda Telah berkahwin
<b>BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN</b>		
2:15	Topik: Pendidikan <ul style="list-style-type: none"><li>• Latar belakang tahap Pendidikan</li><li>• Sumbangan dalam bidang Pendidikan</li></ul>	Ijazah Sarjana Muda Usuludin dan Falsafah. Pernah menjadi MPP semasa menuntut di UKM.
<b>BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA</b>		
2:20	Topik: Kerjaya awal dan Kerjaya terkini <ul style="list-style-type: none"><li>• Pekerjaan pertama Ustaz</li><li>• Imam Tua sebelum Ustaz</li></ul>	Pekerjaan pertama Ustaz adalah Imam. Husin Bin Mohd

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tarikh mula bekerja di Masjid Ismail Petra</li> </ul>	1 Januari 2016
<b>BAHAGIAN D: SEJARAH MASJID ISMAIL PETRA</b>		
2:30	<p>Topik: Latar belakang masjid</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengasas Masjid</li> <li>• Imam pertama di Masjid</li> <li>• Tujuan asal masjid dibina</li> </ul>	<p>Almarhum Sultan Ismail Petra Husin Bin Mohd Tempat ibadah</p>
<b>BAHAGIAN E: SUMBANGAN</b>		
2:50	<p>Topik: Peranan Masjid Ismail Petra</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan utama Masjid Ismail Petra dalam komuniti di sini?</li> <li>• Bagaimana masjid ini menyumbang kepada Pendidikan agama?</li> <li>• Inisiatif masjid untuk mengajak anak muda ke masjid?</li> </ul>	<p>Memasjidkan masyarakat Ceramah agasma Penubuhan kelas agama seperti kelas al-quran</p>
<b>BAHAGIAN F: HARAPAN</b>		
3:15	<p>Topik: Harapan terhadap pelbagai lapisan masyarakat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Harapan utama pihak pengurusan masjid</li> <li>• Harapan Ustaz untuk perkembangan masjid di masa akan datang?</li> </ul>	<p>Masyarakat berjemaah di masjid beramai-ramai Banyak fasiliti baru akan dibina.</p>

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
11:00 AM	23 Oktober 2024	Penjelasan mengenai kajian sejarah lisan oleh Puan Nurulannisa. Setiap kumpulan terdiri daripada 2 atau 3 orang.	Kumpulan telah ditubuhkan dan setiap ahli kumpulan berbincang tentang tajuk yang sesuai untuk kajian.
1:00 PM	24 Oktober 2024	Proses pembentukan diari kajian telah bermula.	Ahli kumpulan telah membuat diari kajian setelah tajuk yang sesuai dipilih.
10:00 AM	28 Oktober 2024	Memulakan pencarian mengenai masjid bersejarah.	Masjid D'Raja Haji Long telah dipilih untuk masjid bersejarah untuk kajian.
8:00 AM	29 Oktober 2024	Ahli kumpulan menghubungi Imam Tua Masjid D'Raja Haji Long iaitu Haji Rosli Bin Che Soh.	Untuk mendapatkan maklumat Imam Tua, persetujuan dan tarikh untuk ditemubual.
5:00 PM	29 Oktober 2024	Penghasilan abstrak kajian dijalankan.	Abstrak disiapkan pada waktu ditetapkan.
2:00 PM	30 Oktober 2024	Pertukaran masjid berlaku disebabkan ada masalah tertentu.	Maklumkan kepada Puan Nurulannisa dan pertukaran dibenarkan.
2:30 PM	30 Oktober 2024	Memulakan semula pencarian mengenai masjid bersejarah.	Masjid Sultan Ismail Petra telah dipilih untuk masjid bersejarah untuk kajian.
3:00 PM	30 Oktober 2024	Ahli kumpulan menghubungi Imam Tua Masjid Sultan Ismail Petra iaitu Muhammad Ammar Bin Azlan.	Untuk mendapatkan maklumat Imam Tua, persetujuan dan tarikh untuk ditemubual.
5:00 PM	31 Oktober 2024	Penghasilan abstrak baru kajian dijalankan.	Abstrak yang baru disiapkan pada waktu ditetapkan.
8:00 AM	9 November 2024	Proses pembuatan soalan bermula.	Soalan temubual disiapkan dengan jayanya.
10:00 AM	17 November 2024	Mendapatkan bimbingan dan tunjuk ajar daripada Puan Nurulannisa mengenai soalan.	Soalan-soalan temubual diluluskan Puan Nurulannisa.
11:00 AM	25 November 2024	Memilih tarikh yang sesuai untuk temubual dan mendapatkan surat kebenaran dari UiTM.	Tarikh telah dipilih dan surat kebenaran dari UiTM telah diluluskan dan dicetak.
8:00 AM	29 November	Temubual ditangguhkan kerana banjir.	Memaklumkan kepada Imam Tua dan tarikh baru dipilih.

1:30 PM	9 Disember 2024	Proses penyediaan peralatan untuk temubual.	Penggunaan <i>microphone</i> dan <i>tripod</i> untuk rakaman yang lebih jelas.
1:45 PM	9 Disember 2024	Sesi temubual berlangsung	Temubual dijalankan di bilik mesyuarat, Masjid Sultan Ismail Petra.
3:15 PM	9 Disember 2024	Sesi temubual telah selesai.	Kami mengucapkan terima kasih kepada Imam Tua, Ustaz Ammar kerana sudi ditemual untuk kajian mengenai Masjid Sultan Ismail Petra.
9:00 PM	15 Disember 2024	Mendengar semula rakaman yang telah dibuat.	Berasa gembira dengan hasil rakaman.
5:00 PM	16 Disember 2024	Proses penyediaan transkrip bermula dengan baik.	Proses ini berlangsung secara berkala.
10:00 AM	17 Disember 2024	Proses menyiapkan log wawancara bermula.	Log wawancara Berjaya disiapkan.
3:00 PM	16 Januari 2025	Transkrip telah siap.	Transkrip siap dengan jayanya.

## **Senarai Soalan**

### **A. Latar Belakang**

- **Imam Ammar**

1. Bolehkah ustaz memperkenalkan diri?
2. Apakah nama panggilan ustaz?
3. Dimanakah ustaz dilahirkan?
4. Adakah ustaz dibesarkan di Kelantan?
5. Dimanakah tempat tinggal ustaz?
6. Berapakah umur ustaz sekarang?
7. Apakah cita-cita ustaz sebelum menjadi seorang imam?
8. Ustaz mempunyai berapa bilangan adik-beradik?
9. Sudahkah ustaz berkahwin?
10. Apakah nama isteri ustaz?
11. Jika ustaz sudah mempunyai anak, berapakah bilangan anak ustaz?

### **B. Sejarah Pendidikan**

12. Apakah latar belakang tahap pendidikan ustaz?
14. Apakah sumbangan ustaz ketika sekolah dahulu?
15. Adakah ustaz sambung pembelajaran selepas SPM?
16. Dimanakah melanjutkan pelajaran?
17. Ustaz melanjutkan pelajaran dalam bidang apa?
18. Adakah bidang ini yang mendorong ustaz untuk menjadi seorang imam?
19. Siapakah yang mendorong ustaz untuk melanjutkan pelajaran?

### **C. Pengalaman Kerjaya**

20. Apakah pekerjaan pertama ustaz?
21. Boleh ustaz ceritakan perjalanan pekerjaan ustaz?
22. Apakah jawatan ustaz di masjid ini sebelum menjadi imam tua?
23. Sebelum ustaz, Siapakah yang menjadi imam tua di masjid ini?
24. Bilakah ustaz mula bekerja di masjid ini?
25. Berapa lamakah ustaz telah menjadi imam di Masjid Ismail Petra?



26. Adakah pernah ustaz berjumpa dengan keturunan pengasas?
27. Adakah ada ahli keluarga ustaz yang mengikut jejak langkah ustaz menjadi Imam?

#### **D. Sejarah Masjid Ismail Petra**

28. Adakah kontraktor masjid ini orang luar?
29. Berapakah kos pembinaan masjid ini?
30. Apakah keunikan masjid ini yang tiada di masjid lain?
31. Bagaimana struktur pengurusan masjid ini dijalankan?
32. Siapakah yang terlibat dalam pentadbiran dan penyelenggaraan masjid?
33. Bagaimanakah masjid ini berkembang dari semasa ke semasa?
34. Apakah perubahan terbesar yang telah berlaku di Masjid Ismail Petra sejak ia mula beroperasi?
35. Bolehkah ustaz ceritakan sedikit tentang peristiwa penting yang pernah berlaku di Masjid Ismail Petra?
36. Adakah terdapat individu atau keluarga yang berperanan besar dalam menyokong operasi dan pembangunan Masjid Ismail Petra dari dahulu hingga sekarang?
37. Pernahkah masjid ini dijadikan sebagai bahan kajian?
38. Sewaktu banjir teruk 2014, adakah masjid ini terkesan?
39. Adakah berlaku perubahan pada masjid selepas kejadian tersebut?
40. Adakah pernah berlaku kes kecurian atau kebakaran di masjid ini?
41. Sudah berapa kali masjid ini diselenggara?
42. Apakah punca pendapatan masjid ini?
43. Berapa jumlah kakitangan yang menguruskan masjid ini?
44. Sepanjang ustaz menjadi Imam Tua di masjid ini, apakah kenangan pahit dan Istimewa bagi ustaz?
45. Apakah cerita menarik dari pengunjung masjid ini yang ustaz dapat?

#### **E. Sumbangan**

46. Apakah penambahbaikan yang dirancang untuk masjid ini?
47. Apakah sumbangan masjid dalam menyokong keperluan spiritual dan psikologi masyarakat, seperti sesi kaunseling atau ceramah motivasi?
48. Apakah usaha masjid dalam memperkenalkan dan mempromosikan nilai-nilai Islam yang harmoni kepada masyarakat bukan Islam?
49. Apakah pandangan anda mengenai peranan masjid dalam memperkasakan komuniti?

50. Apakah cabaran utama yang anda hadapi dalam menggalakkan penglibatan komuniti di masjid?
51. Bagaimanakah anda melihat penglibatan generasi muda dalam aktiviti masjid?
52. Bolehkah anda berkongsi pengalaman anda mengurus atau terlibat dalam aktiviti masjid?
53. Apakah jenis program atau aktiviti yang paling menarik perhatian komuniti setempat?
54. Bagaimanakah masjid menyokong keperluan sosial, ekonomi, atau pendidikan komuniti?
55. Bagaimana ustaz berinteraksi dengan pihak luar (NGO, institusi lain) untuk meningkatkan program masjid?
56. Apakah pendekatan yang ustaz gunakan untuk memastikan semua lapisan masyarakat merasa diterima di masjid?
57. Bagaimanakah ustaz melibatkan sukarelawan untuk menjayakan aktiviti masjid?
58. Pernahkah ustaz menghadapi isu kurang sambutan dalam sesuatu program masjid?
59. Bagaimana ustaz mengatasi masalah kekurangan sambutan dalam program masjid?

#### **F. Harapan**

60. Apakah harapan utama pihak pengurusan masjid terhadap jemaah dan masyarakat setempat?
61. Apakah penambahan yang diharapkan oleh anda kepada masjid ini?
62. Adakah terdapat rancangan untuk meningkatkan atau membangunkan lagi kemudahan di masjid ini?
63. Apakah harapan ustaz untuk perkembangan Masjid Ismail Petra pada masa akan datang?
64. Jika ada, apakah cadangan ustaz untuk memperbaiki atau mempertingkatkan lagi masjid ini?
65. Bagaimana anda melihat peranan Masjid Ismail Petra dalam membangunkan komuniti pada masa hadapan?
66. Bagaimanakah pihak masjid merancang untuk menarik lebih ramai golongan muda untuk aktif di masjid?
67. Apakah harapan pihak masjid terhadap tahap penyertaan masyarakat dalam aktiviti dan program masjid?
68. Adakah pihak masjid bercadang untuk membina hubungan lebih erat dengan organisasi atau institusi lain di dalam dan luar kawasan?
69. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk memastikan masjid ini terus berfungsi dengan baik dan relevan kepada semua peringkat umur?
70. Bagaimanakah masjid merancang untuk memelihara dan memperkayakan nilai-nilai tradisional sambil menyesuaikan diri dengan perubahan zaman?

**Gambar**

## ORANG YANG DITEMUDUGA



Nama	:	Muhammad Amar Bin Azlan
Tarikh lahir	:	
No. telefon	:	
Alamat	:	Bharu, Kelantan Kota
Jawatan	:	Imam Tua 1
Tempoh perkhidmatan	:	8 tahun
Status perkahwinan	:	Berkahwin

## Sijil Anugerah



Gambar : Sijil Anugerah Cemerlang yang diterima oleh Masjid Sultan Ismail Petra

# INDEX

## INDEX

### A

Abstrak – iii

Ahli Jawatankuasa Masjid – 32

Anugerah Masjid – 45

### B

Biodata Imam – iv

Banjir 2014 & Kesan kepada Masjid – 37

### C

Ceramah & Kelas Agama – 28

Cabaran dalam Mengurus Masjid – 40

### D

Diari Kajian – 50

Dana dan Sumber Kewangan Masjid – 42

### E

Evolusi & Sejarah Masjid Sultan Ismail Petra – 04

### F

Fasiliti & Kemudahan Masjid – 27

### G

Gambar & Dokumentasi – 55

### H

Harapan & Masa Depan Masjid – 06

### I

Imam Tua & Pengalaman Kerjaya – 03

Inisiatif Masjid untuk Generasi Muda – 35

### J

Jumlah Kakitangan & Peranan Mereka – 44

### K

Keunikan Senibina Masjid – 30

Kecurian & Keselamatan Masjid – 41

### L

Lampiran – 08

Latar Belakang Imam – 01

### M

Majlis Perasmian Masjid – 20

### P

Pembangunan & Penambahbaikan – 46

Pentadbiran & Penyelenggaraan Masjid – 33

### S

Senarai Soalan Temubual – 10

Sijil Penghargaan – 12

Sumbangan Masjid kepada Komuniti – 05

### T

Transkrip Wawancara – 02

### U

Usaha Masjid dalam Menyantuni Bukan Islam – 48

### V

Video Dokumentasi – 56